



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN-TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**MALAYSIA**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam laporannya bertarikh 2 Mei 2009 18:00 GMT+1, bersamaan 3 Mei 2009 @2.00 pagi Malaysia, memaklumkan di mana tiga (3) buah negara lagi iaitu **Costa Rica, Perancis dan Republik Korea** telah mengesahkan kes di negara masing-masing dan menjadikan jumlah negara terlibat kepada enam belas **(16) buah negara**. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak **658 kes** dengan **17 kematian** iaitu penambahan sebanyak 291 kes berbanding hari sebelumnya.

Negara Mexico melaporkan 397 kes yang disahkan melalui ujian makmal, dengan enam belas (16) kematian berbanding 156 kes pada hari sebelumnya. Pertambahan kes di Mexico ini adalah hasil daripada ujian yang sedang dijalankan ke atas spesimen-spesimen terkumpul yang sudah ambil dari pesakit. Sementara Amerika Syarikat pula melaporkan 160 kes positif ujian makmal influenza A(H1N1) termasuk satu (1) kematian. Negara-negara lain yang melaporkan kes positif ujian makmal influenza A(H1N1) dengan tiada kematian adalah seperti berikut: Austria (1 kes), Kanada (51 kes), Hong Kong (1 kes), Costa Rica (1 kes), Denmark (1 kes), Perancis (2 kes), Jerman (6 kes), Israel (3 kes), Belanda (1 kes), New Zealand

(4 kes), Republik Korea (1 kes), Sepanyol (13 kes), Switzerland (1 kes) dan United Kingdom (15 kes).

WHO masih lagi mengekalkan tahap amaran Influenza Pandemik di Fasa 5, semenjak 29 April 2008 dan TIDAK menyarankan sebarang tindakan sekatan dari segi kesihatan, perjalanan dan perdagangan serta penutupan sempadan yang perlu dilakukan oleh mana-mana negara bagi perlindungan kesihatan antarabangsa. Namun begitu telah menasihatkan orang awam yang mengalami tanda-tanda jangkitan terutamanya demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan untuk menangguhkan lawatan antarabangsa dan mereka yang mengalami tanda-tanda berkenaan semasa melakukan lawatan antarabangsa dinasihatkan untuk mendapat rawatan.

Beberapa saranan tambahan daripada WHO meliputi amalan kebersihan diri terutama sekali membasuh tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air, lebih-lebih lagi selepas batuk dan sekiranya mengalami gejala '*influenza-like illness*', sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Disamping itu, tiada risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1) sekiranya daging atau produk babi disediakan dan dimasak secara betul.

Pada 2 Mei 2009 Bilik CPRC Kementerian telah menerima 2 laporan mengenai pesakit yang dimasukkan ke wad isolasi bagi tujuan siasatan dan pemerhatian iaitu dari Hospital Sungai Buluh dan Hospital Pulau Pinang. Mereka tersebut mempunyai tanda-tanda jangkitan demam virus dan mempunyai sejarah lawatan ke luar-negara yang dikesan ada kes influenza A(H1N1). Walau bagaimana pun, ujian makmal untuk kes-kes tersebut adalah negatif untuk influenza A iaitu mereka TIDAK dijangkiti oleh virus influenza

A(H1N1). Dengan ini, sehingga kini **tiada kes** influenza A(H1N1) dikesan di negara kita.

Saringan kesihatan di semua pintu masuk antarabangsa yang menerima kemasukan pelawat dari negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) terus dipertingkatkan di mana mereka disaring dan diberi *Health Alert Card* dan *Health Declaration Form*. Pihak imigresen telah membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses saringan penumpang ini. Pada 2 Mei 2009, status aktiviti saringan pemantauan influenza A(H1N1) di pintu masuk negara iaitu termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang adalah seperti berikut:

- Bilangan penerbangan yang disaring : 49
- Bilangan penumpang yang disaring dan memerlukan pemeriksaan lanjut kesihatan seramai 238 dan didapati semua sihat tanpa perlu dirujuk ke hospital

Sehubungan dengan ini juga, mereka-mereka yang baru balik dari luar negara terutama dari negara yang dikesan mempunyai kes influenza A(H1N1) diminta untuk membuat pemeriksaan sendiri dan sekiranya mempunyai tanda-tanda demam, batuk atau tanda-tanda jangkitan salur pernafasan, mereka diminta mendapat rawatan segera dari klinik yang berdekatan. Sehubungan dengan ini, saya bagi pihak Kementerian ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seorang rakyat Malaysia yang baru balik dari luar negara dimana beliau telah menghubungi pegawai perubatan bagi mendapat nasihat. Beliau buat masa ini tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan. Pihak Kementerian telah membuat pemantau di rumah secara berkala sehingga tamat tempoh inkubasi jangkitan influenza A ini iaitu pada 6 Mei 2009.

Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua agensi terlibat terus meningkatkan pemantauan situasi influenza A(H1N1) dengan pihak WHO bagi memastikan tindakan-tindakan proaktif diambil untuk melindungi kesihatan awam penduduk Malaysia.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 3 Mei 2009